

Permasalah Sosial di kalangan Remaja: Satu Cabaran

Azizi Yahaya
Jabatan Pendidikan Asas
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Skudai Johor.

Abstrak: Kehidupan yang sejahtera dari segi sosial dan fizikal adalah memerlukan satu bentuk sistem sosial atau moral yang boleh mengawal dan mengekalkan kebaikan yang sedia ada. Pendidikan dalam apa jua bentuk adalah sangat perlu kerana ia merupakan satu proses yang berterusan dan bukan sahaja mementingkan soal akademik tetapi menyediakan latihan moral, budi pekerti, bersopan-santun selain dari latihan yang berbentuk kemahiran. Situasi kehidupan hari ini adalah sangat membimbangkan. Apabila kita merujuk kepada kes-kes yang melibatkan keruntuhan akhlak remaja yang cenderung kepada terpengaruh dengan budaya barat yang negatif. Keadaan-keadaan ini adalah merupakan proses dalam pendidikan yang begitu banyak halangannya. Masalah ini bukan sahaja dihadapi di negara ini, malah ia merupakan satu fenomena tingkah laku sehingga menyebabkan perkara-aperkara yang disebut sebagai masalah sosial.

Katakunci: masalah social, remaja

Pengenalan

Permasalahan sosial dan gejala yang menyalahi dan melanggari norma-norma kesucian yang dipelihara dalam masyarakat adalah merupakan salah satu persoalan yang semakin meruncing serta memerlukan satu set kaedah penyelesaian yang berkesan (Jawatankuasa Program Penyelesaian Gejala Sosial Kebangsaan, 1995). Oleh itu, berbagai program telah dirangka dan dilaksanakan sama ada di peringkat nasional maupun di institusi-institusi pemulihan akhlak yang terdapat di negara ini sebagai fokus secara langsung Lazimnya pelajar remaja begitu mengambil berat tentang proses pembelajaran, iaitu mempertingkatkan prestasi akademik supaya mencapai kejayaan cemerlang. Kejayaan akademik merupakan harapan guru untuk mengharumkan nama sekolah juga ibu bapa yang mengharap supaya anak mereka menjadi insan yang berjaya. Bukan aspek akademik sahaja yang perlu dititik beratkan, malah ada satu lagi aspek yang perlu diberi perhatian iaitu proses perkembangan yang dilalui oleh setiap individu. Aspek yang dimaksudkan ialah peringkat peralihan iaitu zaman remaja. Dalam peringkat ini beberapa perubahan mendadak berlaku dan setiap individu perlu peka terhadap proses keremajaan yang ditempohi.

Menurut Robert dan Yong 1994, keruntuhan akhlak di kalangan remaja melibatkan beberapa faktor yang telah dikenalpasti di antaranya faktor masyarakat persekitaran, pelaku, sosio ekonomi keluarga dan latar belakang pendidikan. Oleh yang demikian pesalah kes juvana yang telah di hantar ke pusat-pusat pemulihan akhlak-akhlak di negara ini seharusnya menjalani program-program pemulihan yang lebih berkesan bagi mengelakkan mereka kembali kepada salah laku sebelumnya. Terdapat juga di kalangan pelatih yang telah dibebaskan dari pusat-pusat pemulihan yang menghadapi kesukaran kerana gagal diterima dan diperakui oleh masyarakat dan keluarga.

Di negara ini, terdapat berbagai bentuk permasalahan sosial dan keruntuhan akhlak remaja seperti penagihan dadah, perkosaan, pelacuran, homoseksualiti, bersekedudukan, kelahiran anak luar nikah, jenayah dan lain-lain lagi.

Siapa Remaja?

Pakarjiwa bersetuju bahawa masa permulaan remaja bermula apabila seseorang mencapai akil baligh iaitu ketika berumur dalam lingkungan 13 tahun dan akhir remaja bergantung kepada keadaan tempat dan masyarakat di mana remaja itu dibesarkan. Anggaran masa remaja ialah diantara umur 13 tahun hingga 24 tahun. Pembinaan remaja dapat dilihat daripada dua aspek iaitu;

1 Keadaan tempat seseorang remaja itu hidup atau dibesarkan Keadaan remaja itu hidup sebenarnya menentukan masa / tempoh remaja seseorang. Semakin maju sesuatu masyarakat maka semakin panjanglah masa remaja itu kerana masa dihabiskan dengan belajar dan mengejar kerjaya. Mereka ini dapat meneruskan pelajaran kerana mereka tidak dibebani dengan tanggungjawab kekeluargaan. Manakala remaja yang membesar dalam masyarakat yang mundur tempoh remajanya singkat kerana mereka terpaksa bekerja memikul tanggungjawab menyara keluarga, pelajaran menjadi tidak penting kerana keadaan ekonomi mendesak. Remaja perempuan pula digalakkan berumahtangga untuk mengurangkan beban keluarga.

2 Sudut mana seseorang itu ditinjau. Selain tempat remaja itu dibesarkan, golongan itu perlu ditinjau melalui lima sudut yang berlainan iaitu; fizikal, emosi, mental, sosial dan moral.

1 Pertumbuhan fizikal

Remaja mengalami pertumbuhan fizikal dan juga pertumbuhan dalam sistem kelenjar mula merembeskan hormon seperti hormon yang dihasilkan oleh kelenjar ovarii pada remaja perempuan dan hormon yang dihasilkan oleh kelenjar testis pada remaja lelaki. Hormon-hormon tersebut akan membawa perubahan rupabentuk badan remaja perempuan yang menarik manakala remaja lelaki mengalami perubahan fizikal kelelawinya seperti pecah suara atau garau, dan ciri-ciri seks sekunder yang lain seperti tumbuh misai atau bulu-bulu. Pada peringkat awal remaja (13 — 18 tahun) hormon yang dihasilkan masih belum stabil maka remaja mengalami pertumbuhan fizikal yang pesat. Pada peringkat akhir remaja (19—24 tahun) tahap hormon menjadi lebih stabil dan pertumbuhan mencapai tahap muktamat.

2 Pertumbuhan emosi Emosi atau perasaan memainkan peranan yang sangat besar dan lebih berpengaruh daripada fikiran kerana perubahan fizikal memerlukan kekuatan dan peyesuaian diri. Dalam masa yang sama pemikiran remaja belum cukup matang untuk berfikir secara rasional, logik dan objektif. Kebanyakan tingkah laku remaja lebih dikuasai dan dipengaruhi oleh emosinya. Kebanyakan remaja menghadapi krisis identiti seperti: (i) mencari siapa diri mereka, (ii) apa yang mereka kehendaki dalam hidup dan (iii) nilai yang menjadi pegangan. Keadaan ini akan memberi tekanan kepada remaja. Suasana persekitaran mempengaruhi dan membentuk arus pergerakan remaja, di mana tingkah laku tidak berlandaskan kepada pemikiran rasional. Dalain usaha mencapai kehendak dan keperluan hidup remaja melalui 3 jenis perasaan iaitu; marah takut dan gembira.

Marah

Marah timbul apabila dicabar atau kehendak atau keperluan yang diidamkan tidak tercapai. Ibu bapa yang terlalu mengharap kejayaan dalam pelajaran, remaja akan mengalami krisis maka timbulah rasa ingin bebas yang melampau. Remaja yang marah mula bertindak kasar, menganggu orang lain dan kadang kala membinasakan diri sendiri, contohnya lam dari rumah bersikap liar dan pulang lewat dengan bertindak mengikut perasaan.

Rasa takut

Perasaan takut tidak ditentukan pada masa remaja sahaja tetapi bermula dari pengalaman-pengalaman yang dilaluinya sejak kecil. Pengalaman-pengalaman pahit memberi kesan kepada seseorang remaja menjadi penakut dan suka menyendiri.

Rasa gembira

Rasa gembira memuncak apabila remaja dapat perhatian, kasih sayang, pujian, dihormati dan dihargai. Ia juga berkembang bersama umur dan dipengaruhi oleh perubahan fizikal. Pertumbuhan fizikal membawa perubahan emosi dimana hormon-hormon berfungsi. Petembungan mlai dan emosi perlu selaras supaya remaja dapat menangani perkembangan emosi serta menonjolkan potensinya.

3 Pertumbuhan sosial remaja

Proses sosialisasi remaja berkembang melalui; interaksi kekeluargaan, rakan sebaya dan hubungan dengan masyarakat.

- Hubungan kekeluargaan

Remaja yang dibesarkan di dalam keluarga yang mempunyai jalinan kemesraan tinggi bertendensi dapat menjalin hubungan sosial yang baik dan positif. Maka remaja perlu perhatian daripada kedua ibubapa. Remaja akan rasa senang bila idea-idea dan perasaannya dilayani dan dipertimbangkan. Kebebasan bukanlah total tetapi remaja perlu bimbingan daripada orang dewasa. Remaja yang dikawal ketat, tidak dapat perhatian, diperkecilkan, tidak dapat penghargaan akan mudah memberontak dan mudah terpengaruh oleh anasir-anasir luar. Rumah tangga yang goyah menyebabkan anak-anak tidak dapat ketenangan jiwa.

- Hubungan rakan sebaya

Pengaruh rakan sebaya begitu kuat dalam pembentukan budaya remaja. Masa yang panjang adalah bersama rakan-rakan sama ada di sekolah atau di luar sekolah. Perkembangan kognitif dan afektif remaja dipengaruhi oleh rakan sebaya. Peringkat awalnya mahu diterima menjadi anggota kumpulan dengan mengikut trend pakaian, lagak dan gaya bertutur. Kemudian mereka mula minat untuk berpasangan dengan jantina yang berlainan seperti pergi ke diskò, parti dan lebih serius lagi mengambil dadah jika kecewa. Manakala remaja yang mengikut perkembangan Islam pula akan memakai pakaian yang menutup aurat, pergi usrah dan kelas fardu ain Hubungan kekeluargaan dan rakan sebaya yang selari mewujudkan suasana membina (remaja positif).

- Hubungan dengan masyarakat

Remaja mengharapkan kedamaian dan ketenteraman dalam masyarakat. Rasa tidak puashati dalam masyarakat akan ditonjolkan melalui perlakuan negatif seperti demonstrasi untuk melepaskan perasaan dan emosi. Proses sosialisasi perlu selari dengan semua kumpulan sosial untuk mendapat kesan yang positif dan remaja dapat membina keyakinan diri dan rasa dihargai. Noses pembinaan dapat bergerak dengan sistematik dan membantu perubahan mental, fizikal, emosi dan rohani. Ini dapat memantapkan proses kematangan remaja agar mampu menghadapi kehidupan penuh cabaran,

3 Pertumbuhan mental

Percanggahan wujud antara golongan dewasa dan remaja. Orang dewasa mahu dihormati kerana faktor umur (lebih tua), manakala remaja pula mahukan kebebasan dalam membuat keputusan. Pada peringkat umur 13 hingga 15 tahun remaja tidak mempunyai kekuatan mental dalam penyelesaian masalah. Keputusannya mudah berubah terutama apabila disergah dan dicabar. Keupayaan menelitiannya lemah dan penerimaan hal-hal yang abstrak belum berlaku. Pada peringkat umur 16 tahun ke atas remaja lebih sistematik dalam menghadapi masalah. Mereka cuba mencari sebab musabab melalui pemerhatian dan mampu berfikir secara rasional berdasarkan fakta-fakta logik dan realistik. Mereka juga masih memerlukan beberapa kemahiran berfikir dan peluang-peluang menggunakanannya. Ciri-ciri mental yang sihat ialah:

- Pemikiran rasional iaitu fikiran yang wajar dan sesuai dengan akal
- Bersikap positif

- Berdikari
- Kasih sayang
- Tabah dan sabar

Manakala cirri-ciri mental yang kurang sihat seperti berikut:

- Tidak dapat mengawal perasaan diri iaitu tidak dapat mengawal perasaan yang dikuasai oleh emosi seperti marah, dendam, cemburu, takut dan lain-lain.
- Tidak dapat menerima kelemahan sendiri dengan menganggap dirinya sahaja yang betul.

Berikut adalah langkah-langkah penjagaan kesihatan mental:

1. Rehat serta tidur yang mencukupi
2. Melakukan senaman
3. Gizi yang seimbang
4. Interaksi social secara sihat
5. Memperkembangkan kesedaran kerohanian
6. Bersikap positif

5 Pertumbuhan moral remaja

Keruntuhan akhlak remaja disebabkan terjebak dalam dadah, pelacuran, merokok, minum arak, merompak, merogol dan sebagainya. Pertumbuhan moral remaja dipengaruhi oleh; (i) keadaan persekitaran tempat individu itu hidup dan (ii) kepercayaan atau anutan agama. Kanak-kanak yang diasuh dengan penuh adab sopan dan baik menghasilkan tingkah laku yang baik kerana nilai-nilai ini disemadikan dalam diri sejak kecil dan tersemat dijiwa, maka perlakuan ini kekal bila masuk ke alam remaja. Secara tidak langsung orang dewasa menjadi model kepada kanak-kanak. Anak-anak remaja perlu dibimbing seperti bermain layang-layang, kalau layang-layang terbang jauh tali perlu ditarik perlahan, kalau terbang rendah tali dilepaskan. Jika tali disentap kuat layang-layang akan putus tali dan layang-layang akan jatuh ke bumi. Moral dan agama penting, contohnya Islam menyarankan anak-anak bersembahyang ketika berumur 7 tahun dan ibubapa boleh menghukum jika anak mengkar apabila umur meningkat 10 tahun. Pada peringkat remaja (umur baligh) hanya proses pengukuhan sahaja. Manakala pertengahan remaja dan lewat remaja adalah masa untuk memberi peluang dan ruang memperbaiki melalui kerjasama dan perbincangan.

Cabaran Remaja

Realiti warga Malaysia masa kini menghadapi keruntuhan akhlak dan menimbulkan pelbagai gejala sosial antaranya;

Pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak

Mengikut statistik yang dikumpulkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 1988 hingga 1992, Jadual 1 menunjukkan fenomena pembuangan bayi kian meningkat dalam masyarakat kita.

Jadual 1: Kes Pembuangan Bayi

Tahun	Jumlah
1988	19
1989	36
1990	44
1991	48
1992	55

Sumber: Al Islam, Disember 1993:67

Kes penderaan tidak kurang juga hebatnya mengikut statistik yang terkumpul dalam tempoh lima tahun dari tahun 1985 hingga 1990 kes penderaan tercatat sebanyak 555 kes tetapi sepanjang tahun 1992 sahaja sejumlah 862 kes penderaan telah direkodkan.

Lari dari rumah

Gejala negatif lain yang memamerkan kegersangan unsur akhlak mulia dan terpuji ialah kes gadis remaja yang mlarikan diri dari ruinah. Mengikut rekod Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Polis, dalam tempoh hampir tujuh tahun bennula dari tahun 1986 hingga Jun 1992 terdapat sejumlah 17,806 kes gadis yang mlarikan diri dari rumah. Di antara sebab yang dikenalpasti menjadi punca tindakan negatif ini adalah perselisihan faham dengan ibu bapa atau penjaga, mempunyai latar belakang keluarga yang sering bergaduh dan tidak bahagia, ibu bapa yang menentang hubungan dengan teman lelaki, gangguan seksual atau didera oleh anggota keluarga serta salah pergaulan. Jadual 2 menunjukkan statistik wanita atau gadis hilang / jumpa pada 1 Januari 2000 hingga 10 September 2000.

Jadual 2:

BANGSA	UMUR			JUMLAH
	9 tahun ke bawah	10-13	14-17	
Melayu	17	57	678	752
Cina	5	15	159	179
India	8	16	151	175
Lain-lain	6	6	32	44
JUMLAH	36	94	1020	1150

Jenayah berat

Golongan remaja lelaki pula dilaporkan banyak terlibat dalam kes perlakuan jenayah berat seumpama kes bunuh, samun, rogol, pecah rumah dan sebagainya.

Jadual 3 menunjukkan perangkaannya Kes Jenayah.

Tahun	Bunuh	Samun	Rogol	Pecah Rumah
1990	6	51	27	317
1992	17	60	36	477

Sumber: Dewan Masyarakat, Oktober, 1994:9

Jadual 4 pula menunjukkan kes mangsa rogol mengikut pecahan umur dari tahun 1995 hingga 2000 (Jan — Sept) Kes Mangsa Rogol

UMUR	TAHUN					
	1995	1996	1997	1998	1999	2000
Bawah 16 tahun	604	719	744	831	801	471
16 tahun keatas	401	352	579	658	668	455
JUMLAH	1005	1071	1323	1489	1469	926

Sumber: Berita Harian 8 Januari 2001

Sikap Ganas

Warga masyarakat kita bersikap semakin kasar, ganas, tidak bertimbang rasa serta lebih mementingkan diri sendiri terutama sikap mereka di jalan raya. Kebiadapan di jalanraya menunjukkan unsur akhlak mulia dinafikan, akibatnya kehilangan nyawa sentiasa meningkat saban tahun. Jadual 5 menunjukkan perangkaan jalan raya.

Jadual 5: Kemalangan jalanraya

Tahun	1989	1990	1991	1992
Bilangan penduduk	17,376,800	17,812,000	18,178,100	18,630,000
Bilangan kenderaan berdaftar	5,071,786	5,462,792	5,887,176	6,295,508
Bilangan Kenderaan terlibat dalam kemalangan	127,279	146,747	161,823	185,805
Jumlah kemalangan	75,626	87,999	96,513	110,491
Jumlah kematian	3773	4048	4331	4536

Sumber: Dewan Budaya, Oktober, 1993;⁷

Langkah Penyelesaiannya

Pembentukan Keluarga Madani

Keluarga madani adalah satu istilah yang mengajak supaya ahli keluarga menghayati kehidupan cara Islam dengan mencontohi perjuangan Rasulullah s.a.w dan para sahabat dalam menegakkan Islam. Konsep ini sangat tepat untuk menyusun keluarga dan membina insaniah dan tamadun mengikut Islam. Membangunkan keluarga madani bermaksud membangunkan aqidah, dakwah, akhlak, pendidikan, ekonomi, perubatan, ukhwah, kasih sayang dan sebagainya seperti yang dituntut dalam Islam. Antara perkara-perkara asas dalam pembentukan institusi keluarga madani adalah seperti berikut:

Iman yang mendalain

Keimanan seseorang itu tidak akan diterima di sisi Allah selagi tidak ditegakkan di atas mentauhidkan Nya dari sudut ilmu, I'tiqad dan tingkah laku (suluki). Bersumber daripada kepercayaan tersebut, wujud cabang-cabang yang berupa peraturan-peraturan yang mengatur hubungan sesama manusia dan manusia dengan Tuhan Nya. Aqidah Tauhid akan membimbing dan memimpin akal fikiran manusia, tingkah laku dan gerak gerinya serta segala aktiviti yang dilakukan. Iman dan amal tidak dapat dipisahkan kerana keduanya adalah umpama buah dan pohonnya. Keimanan yang mendalam akan melahirkan mdividu yang taat.

Akhhlak yang terpuji

Akhhlak seseorang individu adalah hasil dari keimanan. Keimanan yang dimiliki oleh pasangan dalam institusi keluarga akan memutikkan peribadi dan akhhlak anak-anak yang terpuji. Kehidupan dalam rumah tangga yang rukun damai adalah hasil daripada pencemaan akhhlak yang mulia dan terpuji.

Taqwa

Pembinaan institusi keluarga Islam hendaklah diasaskan di atas rasa taqwa kepada Allah untuk mencari keredhaan Nya. Tanpa taqwa dan rasa memelihara, institusi kekeluargaan tidak dapat berjalan di atas landasan yang benar. Kewujudan institusi keluarga adalah ibadah di sisi Allah.

Berkasih sayang

Ikatan institusi kekeluargaan adalah melalui perkahwinan yang sah serta berdasarkan berkasih sayang dan kasih mengasihani. Kasih sayang harus wujud dalam kehidupan seluruh manusia untuk melahirkan masyarakat manusia yang bahagia, hormat menghormati, percaya mempercayai dan tolong menolong. Pergaulan yang baik dan suasana berkasih sayang yang wujud dalam kehidupan rumah tangga akan memimpin kehannonian berkeluarga. Sifat-sifat mulia seperti bertolak ansur, lemah lembut dan kata-kata yang baik adalah bayang dari iradah Allah yang mengkehendaki kebaikan kepada seseorang.

Pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah

Pembinaan institusi kekeluargaan hendaklah berdasarkan kepada pergaulan dan hidup bersama secara baik dan diredhai Allah. Dengan ini kemungkaran, maksiat, penganiayaan dan kezaliman dapat dihindari. Pergaulan dalam rumah tangga antara suami, isteri dan anak-anak perlulab berdasarkan lunas-lunas keredhaan Allah, sentiasa bertolak ansur, bersabar dan tabah menghadapi dugaan hidup. Didikan dan bimbingan kepada isteri dan anak-anak ke arah keredhaan Allah menjadi dasar dalam segala tindakan.

Amanah dan Tanggungjawab

Pembinaan institusi kekeluargaan merupakan amanah dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin, ikhlas dan jujur. Keluarga adalah amanat dari Allah ke atas mereka dan hendaklah dipelihara amanah itu dengan sebaik-baiknya.

Penyegaran semula institusi Agama

Fungsi intitusi agama hendaklah diorientasikan semula bagi memenuhi tuntutan zaman baru dengan melaksakan program dan projek yang berkaitan dengan hal keagamaan dan permasalahan ummah secara komperhensif. Golongan agamawan harus menjadi aktivis sosial, pendamping generasi muda, dan pencegah mungkar.

Mempertangkaskan reformasi pendidikan

Reformasi pendidikan hendaklah berteraskan sistem pendidikan Islam yang bersepada yang mengintegrasikan sistem yang sedia ada dalam satu acuan lengkap dan holistik. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menunjukkan respon yang positif untuk mengadunkan sistem pendidikan Islam dalam aliran pendidikan kebangsaan yang sedia ada dengan lebih mendalam.

Mengorientasikan semula fungsi media massa

Media massa, baik media cetak atau media elektronik, perlu lebih bertanggungjawab ke arah pembinaan masyarakat berakhlik. Penerapan nilai murni dalam setiap laporan, rancangan atau siaran mereka.

Menyegarkan semula fungsi kepimpinan

Kredibiliti kepimpinan dan peranan pemimpin dalam membentras gejala sosial dan keruntuhan akhlak adalah penting. Kepimpinan tidak boleh dipisahkan daripada aspek moral. Tanpa moral kepimpinan akan hilang wibawanya.

Mengukuhkan institusi keluarga

Ibu bapa perlu menjadi model yang baik kepada anak-anak supaya mereka tidak dipengaruhi rakan sebaya

yang akan mendominasikan proses pembentukan sikap, perilaku dan pemikirannya. Penglibatan sektor swasta dan kerajaan penting dalam usaha menggerakkan program-program pembinaan keluarga bahagia.

Menggerakkan golongan intelektual

Keperihatinan sebahagian golongan akademik dan ilmuan tentang masalah moral dan akhlak khususnya dalam kawasan kampus adalah antara faktor yang menyumbang kepada pemulihan moral golongan terpelajar.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya tugas menjadi ketua keluarga khususnya ibu dan bapa sangat berat jika mereka tahu ianya merupakan amanah untuk melahirkan insane kamil dan seterusnya melangsungkan tugas sebagai khalifah Allah di muka bumi im. Secara tidak langsung segala ancaman yang boleh merosakkan aqidah, keruntuhan akhlak, kepmcangan rumah tangga, pergaulan luar batasan di kalangan remaja, penyalahgunaan dada, perzinaan dan sebagainya dapat ditangkis.

Rujukan

- Abdullah Al Hadi Muhamed. (1995). *Permasalahan Bohsia/Bohjan : Satu Tinjauan Dari Sudut Kedudukan Faktor dan Cara Menanganinya*. Prosiding Seminar Kebajikan Gejala Sosial. Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*.** Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abrahamsen, D. (1952). *Who are Guilty ? A Study of Prostitution and Crime*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Aiken L.R. (1991). *Psychological Testing and Assesment*. 7th.Edition.Allyn & Bacon: Massachusetts.
- Ajzen, I. (1993). *Attitude Theory and The Attitude Behaviour Relation*. Krebs, D. & Schmidt, P. (Eds). New Directions in Attitude Measurement. Walter de Gruyter : New York.
- Aminudin Mansur. (1997). *Remaja Perlukan Anjakan Paradigma*. Fokus.Bil.103. Bistari Comunication. K.Lumpur.
- Akademik. (1997). Keluaran Khas. Penerbitan Al Azim Sdn.Bhd. Kuala Lumpur.Bil. 123, ms: 18-19.
- Azizi Hj. Yahaya (1998) Satu Penilaian Terhadap Keberkesanan Program Pemulihan Akhlak Di Rembau N.Sembilan
- Berita Harian. (3 Febuari 1993). *Bilangan Remaja Yang Terlibat Dalam Aktiviti Tidak Bermoral*.
- Bettleheim, B. (1950). *Love Is Not Enough*. New York : Free Press.
- Brinkerhoff, R. O.et.al. (1983). *Program Evaluation: A Practitioners Guide For Trainers and Educators*. Boston, Massachusetts : Kluwer. Nijhoff Publishing.
- Bulletin Perangkaan Kebajikan. (1997). Perkhidmatan Luar. Jabatan Kebajikan Masyarakat, Malaysia.

Che Su Mustaffa. (1995). Pendekatan Projek Amanah Ikhtiar Malaysia Dalam Menangani Masalah Kemiskinan. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.18, ms: 1-13.

Cohen, A. K. (1975). *Delinquent Boys*. Glencoe : Free Press.

Dass, M.B. (1989). *Growth of Voluntary Organisations*. Journal Kebajikan Masyarakat. Vol.10, ms: 43-46.

Dusels, J.B. (1987). *Adolescent Development and Behaviour*. Prentice-Hall Int. Inc. London.